

**PERANAN SEKOLAH DAN PENDIDIK DALAM USAHA MENINGKATKAN
PENGHAYATAN AKHLAK PELAJAR MENURUT PERSPEKTIF ISLAM
THE ROLE OF SCHOOLS AND EDUCATORS IN ENHANCEMENT OF
STUDENTS' MORAL UNDERSTANDING ACCORDING TO THE ISLAMIC
PERSPECTIVE**Suhaiella Suhaili^{1*}, Adibah Husna Ismail², Norwidayawati Metusin³

1 Alumni PhD, Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Suhaila_Hs@hotmail.com

2 Pensyarah, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, adibah.ismail@kupu-sb.edu.bn

3 Penolong Profesor, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, norwidaya.metusin@kupu-sb.edu.bn

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 05 Jul 2025

| Selepas Pembedaan: 21 Sept 2025

| Diterima untuk terbit: 28 Nov 2025

Abstrak

Penghayatan akhlak pelajar mengandungi maksud pelajar dapat mengamalkan ajaran agama secara komprehensif sama ada dari segi percakapan, membuat keputusan, tindakan yang melibatkan urusan kehidupan dengan berasaskan ilmu pengetahuan, kefahaman dan amalan mereka. Pendidikan agama dan penerapan nilai murni di sekolah penting terhadap pembentukan sahsiah pelajar khususnya para remaja bagi melahirkan insan yang memiliki kualiti peribadi yang holistik dari aspek mental, fizikal, emosi dan spiritual seiring dengan kehendak negara. Kertas ini mengetengahkan akhlak menurut perspektif Islam, diikuti faktor yang mempengaruhi akhlak pelajar serta peranan pihak sekolah dan pendidik dalam usaha meningkatkan penghayatan akhlak pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan kajian perpustakaan dan dianalisis secara induktif. Dapatan kajian membincangkan akhlak berdasarkan sumber al-Quran dan hadith turut dikukuhkan dengan beberapa pandangan ulama. Manakala, hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi akhlak pelajar seperti faktor didikan ibu bapa, faktor persekitaran (iklim dini), faktor permakanan (*halalan toyyiban*) dan faktor amalan agama. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa peranan sekolah dan pendidik dalam meningkatkan penghayatan akhlak pelajar merangkumi dua kategori utama iaitu pendidikan yang berterusan melibatkan secara formal dan informal serta persekitaran yang positif. Penghayatan nilai-nilai yang baik turut dijadikan sebagai amalan hidup mereka bagi memperoleh keseimbangan dunia dan akhirat. Kajian ini bermanfaat untuk diambil perhatian agar para pendidik menekankan aspek praktikal kepada pelajar dalam menuntut ilmu merangkumi persiapan secara luaran dan dalaman, di samping menerapkan budaya islamik dalam pendidikan. Kajian ini memberi implikasi dalam mewujudkan kelangsungan hubungan antara beberapa

pihak berkepentingan bagi memastikan pembentukan dan penghayatan akhlak pelajar sewajarnya diberi perhatian dan dapat dilaksanakan dengan baik.

Kata Kunci

Pendidikan Agama, Penghayatan Akhlak, Pelajar, Pendidik.

Abstract

The appreciation of students' morals means that students can practice religious teachings comprehensively in terms of conversation, decision-making and actions involving life matters based on their knowledge, understanding and practices. Religious education and the application of noble values in schools are important in shaping the personality of students, especially teenagers, to produce people who have holistic personal qualities from mental, physical, emotional and spiritual aspects in line with the needs of the country. This paper highlights morality from an Islamic perspective, followed by factors that influence student morality and the role of schools and educators in efforts to improve students' moral appreciation. This study uses a qualitative approach involving library research and is analyzed inductively. The findings of the study discussing morality based on the sources of the Quran and hadith are also supported by several views of scholars. Meanwhile, the results of the study show that there are several factors that affect students' morality such as parental upbringing factors, environmental factors (early climate), dietary factors (halalan toyyiban) and religious practice factors. These findings also show that the role of schools and educators in improving students' appreciation of morality includes two main categories, namely continuous education involving formal and informal as well as a positive environment. The appreciation of good values is also used as a practice in their lives to achieve balance in this world and the hereafter. This study is useful for educators to emphasize practical aspects to students in seeking knowledge, including external and internal preparation, in addition the application of Islamic culture in education. This study has implications in creating continuity of relationship between several stakeholders to ensure that the formation and appreciation of students' morals should be given attention and can be implemented properly.

Keywords

Religious Education, Moral Appreciation, Students, Educators.

1. Pendahuluan

Penghayatan akhlak pelajar mengandungi maksud pelajar dapat mengamalkan ajaran agama secara komprehensif sama ada dari segi percakapan, membuat keputusan, tindakan yang melibatkan urusan kehidupan dengan berasaskan ilmu pengetahuan, kefahaman dan amalan mereka. Pelajar merupakan agen pembangunan negara pada masa akan datang. Mereka perlu dididik dengan pendidikan Islam seiring pendidikan duniawi agar dapat menerapkan penghayatan agama dan akhlak.

Pendidikan negara menitikberatkan kesempurnaan pembangunan insan sebagaimana kepentingan ini merupakan salah satu kandungan Falsafah Pendidikan Negara iaitu pendidikan kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pendidikan kebangsaan Negara Brunei Darussalam adalah usaha yang berterusan bersumberkan ilmu *naqli* dan *'aqli* ke

arah memperkembangkan potensi individu serta menyeluruh bagi melahirkan insan berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertaqwa, amanah, bertanggungjawab serta berakhlak mulia. Segala usaha ini akan mewujudkan masyarakat berilmu dan berwawasan yang akan menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara dan sejagat serta menimbulkan suatu identiti kebangsaan berdasarkan falsafah Negara Melayu Islam Beraja menurut *Ahlissunnah Waljamaah* sebagai tapak pertumbuhan dan pengukuhan ketaatan pada agama, raja dan negara Brunei Darussalam.

(Pencapaian dan Penilaian 20 Tahun Pendidikan 1984-2003 dan Perancangan 20 Tahun akan Datang 2004-2024, Kementerian Pendidikan, 2004, hal: 80)

Menerusi intisari falsafah pendidikan kebangsaan menyatakan bahawa usaha yang berterusan bersumberkan ilmu *naqli* dan *'aqli* ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertaqwa, amanah, bertanggungjawab serta berakhlak mulia. Justeru matlamat dalam falsafah pendidikan mengambil kira keperluan ilmu pengetahuan dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi. Tambahan pula, kepentingan falsafah ini dapat menyumbangkan hasil pendidikan yang diterapkan kepada setiap individu dengan kesedaran yang mendalam serta kecintaan terhadap ilmu pengetahuan sehingga memiliki sahsiah dan budi pekerti yang tinggi (Kementerian Pendidikan, 2004; Pg Dato Seri Setia Hj Mohammad 2006, 2011).

Di Brunei Darussalam, pendidikan amat ditekankan bukan sahaja memfokuskan pencapaian akademik pelajar tetapi penekanan akhlak agar hasil pendidikan mampu melahirkan insan yang mempunyai personaliti yang berkualiti. Hal sedemikian telah ditekankan menerusi petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (2017) bahawa kualiti golongan muda (belia) yang dikehendaki adalah berpaksikan kepada akhlak yang mulia. Maka bertitik-tolak dengan maksud titah tersebut secara jelas menegaskan bahawa pentingnya penekanan pendidikan akhlak kepada golongan pelajar yang harus dipakai dalam Islam.

Yusuf al-Qardhawi (2003) turut menyatakan pendapatnya bahawa apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, hendaklah dilihat generasi mudanya pada hari ini. Sekiranya golongan muda pada hari ini daripada kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, sudah tentu negara pada masa hadapan menjadi sebuah negara yang aman makmur. Namun sekiranya keadaan mereka adalah sebaliknya, maka kita perlu bersedia untuk menghadapi dengan perkara yang berkemungkinan buruk akan berlaku. Perkara ini jelas membuktikan bahawa belia merupakan teropong untuk melihat perjalanan sesebuah negara. Oleh itu, untuk mengetahui adakah masa hadapan sesebuah negara itu cerah dan penuh harapan atau muram dan menghadapi kegagalan, maka dilihat pada anak-anak ketika usia mudanya lagi (Dato Paduka Awang Haji Jemat, 2010).

2. Permasalahan Kajian

Sejak kebelakangan ini, masalah keruntuhan akhlak dan tingkah laku pelajar tidak asing lagi mendapat perhatian oleh pelbagai pihak serta menjadi perbincangan dan kajian-kajian. Perkara ini turut mengaitkan punca-punca yang mendorong pelajar terlibat dalam pelanggaran disiplin, jenayah, gejala sosial dan maksiat. Berikut dijelaskan tiga masalah yang boleh menjejaskan penghayatan akhlak pelajar.

Masalah pertama yang seringkali dihadapi oleh kalangan para belia dan remaja mahu pun para pelajar adalah berkaitan dengan keruntuhan akhlak. Jika diperhatikan tingkah laku mereka masa kini tidak dinafikan mereka sememangnya mudah terjebak dengan gejala sosial yang negatif dan kesalahan jenayah seperti penyalahgunaan dadah, pelanggaran disiplin dan sebagainya.

Tidak dinafikan perkara yang melibatkan gejala sosial mahupun jenayah turut terlibat oleh segelintir para pelajar di dalam sekolah atau luar sekolah sehingga berani melakukan perkara negatif seperti penyalahgunaan dadah, gangsterisme, vandalisme bahkan perkara yang bertentangan dengan syariat Islam. Kes ini terbukti menunjukkan terdapat peningkatan kes aduan pada lima tahun kebelakangan (2015-2019) bagi kesalahan jenayah melibatkan tangkapan remaja tempatan berumur 12 hingga 18 tahun di negara ini (Statistik tangkapan remaja tempatan berumur 12-18 Tahun, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, 2020). Sehubungan itu, keruntuhan akhlak juga menunjukkan kesan negatif terhadap imej pelajar ekoran dari meningkatnya statistik salah laku pelajar sekolah-sekolah menengah di negara ini sehingga terlibat kepada kesalahan ringan dan berat (Laporan Hal Ehwal Pelajar Jabatan Sekolah-sekolah 2014-2017).

Masalah kedua yang dihadapi dalam kalangan para remaja adalah kurangnya amalan agama. Perkara ini secara tidak langsung menjejaskan pertumbuhan rohani remaja disebabkan mereka kurang memberi tumpuan dalam melaksanakan perintah Allah Ta'âlâ. Di Negara Brunei Darussalam, golongan remaja yang mudah terjebak dengan masalah sosial adalah disebabkan kurangnya program agama bagi mendalami ajaran-ajaran Islam ditambah pula dengan faktor kurangnya peranan institusi keluarga dalam amalan Islam (Adanan 2008). Justeru perkara ini turut mencetuskan kerisauan kepada ibu bapa dalam menghayati ajaran agama Islam. Selain itu, tahap pengamalan membaca al-Quran didapati kurang memuaskan dalam kalangan para pelajar khususnya di peringkat menengah (Zulfaris 2016). Manakala berdasarkan petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (2017) menerusi dapatan yang diperolehi daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama menunjukkan purata yang tinggi bahawa 81 peratus pelajar tidak konsisten dalam melaksanakan kewajipan sembahyang fardhu malah 4 peratus pelajar didapati tidak melaksanakan sembahyang langsung, dan ini merupakan perkara yang boleh memalukan kepada para masyarakat disebabkan hal ini tidak dinafikan tercetusnya keruntuhan akhlak dan hilang pegangan agama dalam kehidupan mereka. Perkara sedemikian amatlah membimbangkan kerana jika tidak dipantau dan dilatih secara berterusan, amat sukar untuk mencapai keinginan dalam menjadikan pelajar yang berkualiti pada masa akan datang.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa para remaja kurang memberi tumpuan dalam menjalankan perintah Allah tidak kiralah di dalam dan luar sekolah, maka hal ini tidak dinafikan boleh menyebabkan kepada kurangnya penghayatan agama Islam. Apa yang menjadi kerisauan, keruntuhan moral dan gejala sosial turut membawa masalah disiplin pelajar yang akan mengganggu proses pembentukan sahsiah; bahkan memberi impak dan kesan terhadap sistem pendidikan dalam membentuk generasi muda yang

berakhlak, bermoral dan memiliki serta menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian (Mohd Khairi & Asmawati, 2010; Azyyati, 2017).

Masalah ketiga turut dilihat dari aspek permakanan. Perkara ini diambil perhatian kerana masih terdapat umat islam mengabaikan hukum halal dan haram dalam kehidupan terutama berkaitan permakanan halal, sedangkan kita dituntut agar sentiasa berwara' dalam perkara-perkara yang berhubung makan minum seharian untuk menghindari dari makanan yang bercampur benda haram dan syubhah (Fatwa Mufti Kerajaan, 2007). Hal ini turut menekankan kesedaran tentang kewajipan memakan makanan halal lagi baik (*halalan toyyiban*) dalam kehidupan untuk mendapatkan keberkatan dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala seperti kata pepatah: *we are what we eat*, kita adalah apa yang kita makan (Russly et al., 2014). Justeru, pemilihan permakanan sama ada halal atau haram memberi implikasi kepada jiwa dan perilaku manusia (Suaidi, 2023). Tambahan pula, pematuhan terhadap pemilihan makanan antara keduanya merupakan salah satu tanda akhlak mulia seorang hamba kepada pencipta-Nya. Ini menunjukkan sebahagian pelajar muslim mempunyai kesedaran tentang kepentingan mengambil berat permakanan halal yang memberi kesan terhadap fizikal dan rohani mereka, namun begitu sebilangan kecil daripadanya kurang memiliki kesedaran mengenai kesan pengambilan makanan tersebut (Faridah et al., 2017). Selain itu, amalan permakanan turut menimbulkan kesedaran pelajar bahawa pola makan mempengaruhi kesihatan mental dan fizikal terutama dalam pembelajaran (Azlan & Noraziah, 2011), lagi pula persekitaran pelajar turut mempengaruhi amalan permakanan halal dalam membentuk akhlak mereka (Norwidayawati, 2020).

Daripada beberapa permasalahan berkaitan dengan penghayatan akhlak pelajar, maka kegagalan sesebuah institusi, organisasi bangsa, negara mahupun tamadun adalah disebabkan faktor sahsiah individu yang rusak, bahkan pelbagai masalah akan timbul akibat ketidakpatuhan terhadap ajaran agama (Noornajihan & Abd Halim, 2013; Nurzatil & Zulkifli, 2017).

3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui pasti akhlak menurut perspektif Islam.
2. Mengetahui pasti faktor yang mempengaruhi akhlak pelajar.
3. Mengetahui pasti peranan pihak sekolah dan pendidik dalam usaha meningkatkan penghayatan akhlak pelajar.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan kajian perpustakaan dan analisis kandungan dokumen berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan hadith serta sumber sekunder dari bahan-bahan bertulis seperti buku, artikel, jurnal, tesis dan laman

sesawang. Menurut Creswell (2005), penyelidikan kualitatif membantu pengkaji memahami secara mendalam tentang proses dan bentuk-bentuk suatu amalan. Dalam kajian ini juga, data-data dianalisis menerusi proses penelitian secara induktif.

5. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Dapatan kajian membincangkan tentang akhlak menurut perspektif Islam, diikuti dengan faktor yang mempengaruhi penghayatan akhlak pelajar. Seterusnya penjelasan mengenai peranan sekolah dan pendidik dalam usaha meningkatkan penghayatan akhlak pelajar.

5.1 Akhlak Menurut Perspektif Islam

Akhlak menurut persektif Islam dijelaskan menerusi sumber al-Quran, Hadith dan menurut pandangan ulama. Allah Subhanahu Wa Ta'ala menerangkan bahawa kemuliaan akhlak Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam melalui firman Allah Ta'ala:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٥١﴾

Maksudnya:

“Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharap (keredhaan) Allah dan (kebahagiaan) hari Akhirat, serta banyak berzikir mengingat Allah”

Surah Al-Ahzab (33): 21

Budi pekerti Rasulullah yang baik turut ditekankan menerusi firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia.”

Surah Al-Qalam (68): 4

Daripada kedua-dua ayat di atas menunjukkan bahawa baginda diakui mempunyai sifat-sifat yang sempurna serta akhlak yang tinggi. Berdasarkan hadith Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam turut membuktikan bahawa sebaik-baik akhlak adalah akhlak Rasulullah sebagaimana baginda diutus untuk menyampaikan kepada umatnya menerusi sabda berikut,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ
الْأَخْلَاقِ

(رواه البخاري، كتاب الأدب المفرد، باب أخلاق، رقم حديث ٢٧٣)

Maksudnya:

*Dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam
bersabda: "Tidak lain aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang
baik."*

(Hadits Riwayat al-Bukhari dari Kitab Al-Adab al-Mufrad, Bab Akhlak Mulia, no.
hadits 273)

Manakala istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan 'khuluq' yang boleh didefinisikan sebagai perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Berdasarkan pengertian ini, akhlak merupakan perangai, tabiat, maruah atau agama yang mempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang (Asmawati, 2009). Berikut adalah takrif akhlak menurut pandangan ulama.

Ibn Mandhzur (1990) mentakrifkan akhlak sebagai hal yang berada dalam jiwa manusia, disandarkan kepada segala bentuk tindakan sama ada baik atau buruk tanpa merenung atau berfikir panjang terlebih dahulu sebelum melakukan. Manakala, salah seorang tokoh falsafah akhlak Islamiyah, Ibnu Miskawayh (1966) memberi maksud akhlak merupakan keadaan sesuatu jiwa yang menggerakkan seseorang untuk melakukan perbuatan tanpa pertimbangan fikiran terlebih dahulu, yang mana menurut beliau jiwa manusia dibahagikan kepada dua iaitu keadaan jiwa yang bersifat tabi'ie dan keadaan jiwa yang dibentuk melalui latihan dan kebiasaan. Al-Ghazali (1976) pula mentakrifkan akhlak sebagai sifat yang tertanam di dalam jiwa seseorang daripadanya wujud perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Sekiranya keadaan jiwa tersebut mampu mewujudkan tingkah laku yang baik sebagaimana yang diiktiraf oleh akal dinamakan akhlak yang baik. Jika sebaliknya, lahir dari perbuatan yang jahat dianggap sebagai akhlak yang buruk (Japar & Mazanan, 2005).

5.2 Faktor yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Pelajar

Beberapa faktor yang dikemukakan mempengaruhi akhlak pelajar seperti faktor didikan ibu bapa, faktor persekitaran (iklim dini), faktor permakanan (*halalan toyyiban*) dan faktor amalan agama.

5.2.1 Faktor didikan ibu bapa

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membentuk dan mencorak masa depan anak. Kegagalan ibu bapa melaksanakan tanggungjawab mereka turut memberi implikasi yang menyebabkan anak terabai sehingga menghasilkan kesan yang negatif

dan pelbagai masalah sosial. Justeru anak merupakan anugerah yang perlu dititikberatkan setiap masa dan diikuti menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah yang mesti dilakukan untuk mendidik mereka (Amaluddin & Zainal, 2010).

Penjagaan anak-anak adalah sangat penting dilakukan oleh para ibu bapa sebagaimana petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (2013) mengenai kepentingan pembentukan kanak-kanak bermula dari rumah lagi dan berterusan hingga ke sekolah agar dapat dididik dan seterusnya melahirkan anggota masyarakat yang dapat mencegah dari pengaruh negatif dan menjadikan negara sebagai *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*. Justeru ibu bapa merupakan cerminan akhlak kepada pelajar, namun realitinya masih terdapat ketirisan yang memberi kesan buruk kepada mereka. Gaya didikan ibu bapa atau *parenting style* mempunyai impak secara tidak langsung terhadap risiko keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar (Kalaitzaki & Birtchnell, 2014).

Perihal pentingnya peranan ibu bapa dalam mendidik, menjaga dan memelihara anak-anak mereka turut dijelaskan bahawa anak-anak dibentuk mengikut acuan pendidikan yang dicorakkan berdasarkan pemikiran dan akhlak ibu bapa. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ وَيُنَصِّرَانِهِ وَيُمَجِّسَانِهِ

(Rواه مسلم ، كتاب القدر، باب معنى كل مولود

يولد على الفطرة وحكم موت أطفال الكفار

وأطفال المسلمين، رقم حديث ٢٦٥٨)

Maksudnya :

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam bersabda : "Setiap anak dilahirkan dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci bersih), maka ibu bapalah yang bertanggungjawab sama ada menjadikannya Yahudi, Majusi atau Nasrani."

(Hadith riwayat Muslim dari Kitab Al-Qadr, Bab Makna Setiap Anak lahir dalam Keadaan Fitrah iaitu Suci Bersih serta Hukum Anak Orang Kafir dan Anak Orang Islam yang Meninggal Dunia, no. hadith 2658)

5.2.2 Faktor persekitaran (iklim dini).

Kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa turut menyebabkan anak-anak terpengaruh dengan persekitaran dalam melakukan sesuatu perkara secara bebas sehingga dipengaruhi dengan gejala sosial seperti hiburan yang melampau, globalisasi

dan media massa (Azizi, 2008; Habibi et al., 2018; Maznah & Zakiah, 2010; Zainudin & Norazmah, 2011).

Menurut Ahmad Munawwar dan Kamarul Azmi (2016), persekitaran yang dimaksudkan ini termasuk elemen kemanusiaan seperti pengaruh ibu bapa, guru, rakan sebaya dan masyarakat. Bahkan terdapatnya elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh individu. Dalam pembinaan akhlak dan personaliti pelajar, faktor persekitaran terutama rakan sebaya memainkan peranan yang sangat penting. Sebagaimana kenyataan ini menurut Nasih Ulwan (2004) jika anak-anak bergaul dengan teman-teman yang pincang dan rosak akhlaknya, maka mereka mudah terikut dan terkesan dengan tingkah laku yang negatif.

Suria Hani (2012) menjelaskan media berperanan cukup besar bermula dari menambah ilmu pengetahuan, membentuk sikap, persepsi dan nilai kepercayaan. Tambahan pula, menurut Azizi Yahya et al. (2012) menyatakan golongan pelajar sedang mengalami proses perkembangan dan pencarian identiti diri sehingga mereka cenderung meniru dan mencuba perkara baru berdasarkan apa yang mereka saksikan. Justeru, media massa adalah suatu keperluan kepada manusia hari ini terutama para pelajar lantas mewujudkan perkembangan internet khususnya yang menjadi suatu agen sosialisasi baru kepada manusia. Namun, kegagalan mengawal akan menyebabkan isu ketagihan dalam media massa terutama internet lantas memberi implikasi negatif terhadap para pelajar seperti buli siber, *sexting*, pornografi, yang menjejaskan kesihatan fizikal dan kompilasi gangguan mental (Anjali, 2016; O'kefee, 2011).

5.2.3 Faktor permakanan (*halalan toyyiban*)

Ajaran Islam menitikberatkan pemakanan halal dan baik (*halalan toyyiban*) dalam kehidupan kerana ia juga memberi kesan positif dan manfaat yang besar terhadap mental, fizikal, perkembangan spiritual serta pembinaan sahsiah seorang muslim. Hal ini para ulama fiqh menekankan makanan halal dianggap sebagai konsep masalah asas (*daruriyyah*) iaitu menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), menjaga akal (*hifz al-aql*), menjaga keturunan (*hifz al-nasab*) dan menjaga harta (*hifz al-mal*) sejajar dengan matlamat dan kehendak Syariah (Ade Erawan & Kamarul Azmi, 2022; Mohd Amzari et al., 2020).

Salah satu keutamaan pemilihan makanan halal dijelaskan menerusi firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

“Dan makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.”

Surah Al-Mâidah (5): 88

Ayat al-Quran di atas menunjukkan bahawa makanan halal lagi baik merupakan rezeki yang harus disyukuri dan perlu dijaga oleh setiap muslim. Namun sebaliknya, pemilihan makanan haram memberi impak buruk dalam kehidupan manusia sama ada dari aspek kesihatan dan amal ibadat mereka. Antaranya seperti doa tidak dimakbulkan,

merosakkan hati dan akal, amalan tidak diterima, merosakkan akhlak, menzalimi diri sendiri dan sebagainya. Hal ini juga ditegaskan dalam hadith bahawa sumber haram yang diperoleh akan tumbuh dan tercemar dengan nilai kebatilan, bahkan segala amalan tidak diterima oleh Allah Ta'ala.

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'Anhu berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam bersabda :

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا، وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ
الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا —
وَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ — ثُمَّ ذَكَرَ
الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ
وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُدْيِي بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ.

(Rواه مسلم، كتاب الزكاة، قبول الصدقة من الكسب الطيب وتربيتها، رقم حديث

(۲۳۴۳

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk (melakukan) perintah yang disampaikan kepada nabi. Kemudian beliau membaca firman Allah Ta'ala, “Wahai rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amalan yang soleh”. Dan firmanNya, “Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari makanan yang baik-baik yang telah kami anugerahkan kepadamu.” Kemudian beliau menceritakan seorang lelaki melakukan perjalanan yang jauh (lama), tubuhnya diliputi debu lagi kusut, lalu dia menadah tangannya ke langit dan berdoa, “Wahai Rabbku, Wahai Rabbku.” Padahal makanannya haram, minumannya haram, dan ia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dimakbulkan?.

(Hadith riwayat muslim, Kitab Zakat, Bab Diterima Sedekah dari Harta yang Baik (Halal) dan Kaitannya, no hadith 2343)

Dalam konteks perubahan permakanan masa kini, para remaja khususnya pelajar sekolah menengah mudah terdedah kepada pelbagai jenis makanan. Perkara ini juga turut disadari bahawa makanan yang dijual pada masa sekarang banyak yang tidak menepati prinsip *Halalan Tayyiban* (Nor Aini & Mohd Ali, 2013), bahkan kebanyakan makanan yang didatangkan ke dalam negeri (*import*) menimbulkan keraguan tentang kehalalan dan kesucian makanan tersebut (Wan Naimah, 2010). Hal ini merupakan satu perkara yang perlu difikirkan oleh umat Islam pada masa kini khususnya para pelajar.

Kaitan kepentingan permakanan halal ini jika tidak diambil perhatian turut memberi kesan kepada akhlak mereka. Sebagaimana ibu bapa yang memberikan anaknya makanan haram tidak akan memperolehi kebaikan malah akan merosakkan akhlak anak tersebut sehingga menyebabkan anak itu susah diatur dan cenderung melawan orang tua (Ade Erawan & Kamarul Azmi, 2022).

5.2.4 Faktor amalan agama

Menurut Mohd Manawi et al. (2024) faktor yang mempengaruhi perilaku remaja melibatkan faktor dalaman seperti kurang penghayatan agama atau lemah iman, faktor diri sendiri dan tekanan emosi. Justeru, lemah iman seorang remaja akan mudah cenderung melakukan perkara yang negatif dan hal ini secara tidak langsung menjejaskan proses pembentukan akhlak pelajar.

Dalam konteks sekolah, kajian mendapati belum ada keselarasan pelaksanaan aktiviti kerohanian sekolah khususnya di sekolah-sekolah menengah Negara Brunei Darussalam. Hal ini turut dikenal pasti bahawa terdapat beberapa aktiviti kerohanian yang dilaksanakan adalah berdasarkan inisiatif pihak sekolah dan guru-guru yang mengendalikan di sekolah mengikut tadahan dan kluster masing-masing (Suhaiella, 2022). Oleh yang demikian, perkara ini turut memberi kesan secara langsung terhadap penghayatan akhlak pelajar jika tidak dilaksanakan secara konsisten di sekolah masing-masing. Tambahan pula, kurangnya amalan agama dan sokongan para ibu bapa turut menjejaskan dalam membimbing anak-anak mereka (Nurul et al., 2022). Justeru, perkara ini turut mengaitkan bahawa nilai keagamaan yang tinggi dalam institusi keluarga dapat memandu ke arah kehidupan yang lebih sejahtera, namun jika sebaliknya lemah maka nilai ini menjadi salah satu punca meningkatnya masalah keruntuhan akhlak (Faridah & Zurina, 2015).

Begitu juga, pendidikan ukhrawi perlu diambil perhatian agar seimbang dengan pendidikan duniawi sebagaimana ibu bapa diingatkan supaya tidak mengambil remeh soal amal ibadat anak mereka (Media Permata, 2023). Perkara ini turut disedari pada masa sekarang bahawa ibu bapa sanggup menghantar anak tuisyen dan sekolah khas kerana menganggapnya lebih bagus, tetapi pendidikan agama dan solat anak mereka tidak dipedulikan (Idris, 2024). Maka perkara ini turut diambil perhatian bahawa mengutamakan pendidikan duniawi perlu seiring dengan pendidikan ukhrawi kerana didikan agama yang kukuh dapat melindungi anak mereka dari sebarang pengaruh sosial mahupun pelbagai cabaran masa kini.

5.3 Peranan Sekolah dan Pendidik dalam Meningkatkan Penghayatan Akhlak Pelajar

Peranan guru atau pendidik dan sekolah adalah penting dalam konteks pembangunan diri dari aspek fizikal, intelek, emosi dan sosial serta penghayatan akhlak murid (Abd Halim & Ahmad Munawar, 2021; Ahmad Munawar & Wan Kalam, 2012). Kajian ini menjelaskan peranan sekolah dan pendidik dalam meningkatkan penghayatan akhlak pelajar yang terdiri dari dua kategori utama, iaitu pendidikan dan persekitaran.

5.3.1 Pendidikan

Pendekatan yang menekankan aspek agama merupakan sebahagian dari program Pendidikan Islam sama ada berbentuk pendidikan secara formal dan menghubungkaitkan pendidikan secara tidak formal sebagai sudut timbang balik yang saling melengkapi antara keduanya.

Pendidikan ditekankan secara holistik dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek menerusi Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21. Berdasarkan Sistem pendidikan ini, pelajar ditekankan meliputi proses pembelajaran sepanjang hayat melalui pendedahan ilmu, kemahiran dan nilai. Berkaitan dengan aspek yang ditekankan kepada kerohanian pelajar, mereka diberi pendidikan di sekolah menengah melalui sesi pembelajaran secara formal dan didedahkan khususnya dalam mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam tentang 'aqidah, syariah, akhlak dan sirah-sirah selain subjek yang lain. Kemahiran turut diperolehi dari mata pelajaran pengetahuan ugama Islam tersebut merangkumi pelbagai kemahiran termasuk kemahiran amali ibadah khususnya bagi pelajar beragama Islam. Sikap dan nilai juga ditekankan kepada pelajar agar mereka menjadi orang yang bertanggungjawab, berdisiplin, jujur, berdaya saing dan sebagainya. Maka penyerapan sikap dan nilai-nilai Islam dan konsep Islamisasi Ilmu Pengetahuan berdasarkan sumber-sumber al-Qur'an dan Hadith juga akan dipertingkatkan dalam semua mata pelajaran (Kementerian Pendidikan, 2013). Selain pembelajaran secara formal, pelajar turut didedahkan dengan melibatkan praktikal dan dijadikan sebagai amalan kebiasaan khususnya melibatkan aktiviti kerohanian di sekolah sepanjang dalam pendidikan. Antara aktiviti kerohanian sekolah yang lazimnya dilaksanakan melibatkan pelajar peringkat menengah ialah membaca al-Qur'an, solat zohor, solat hajat, ceramah dan pelbagai aktiviti lain bersempena hari kebesaran Islam (Dokumen aktiviti kerohanian di beberapa buah sekolah menengah, 2018).

Keperluan rujukan utama dalam Islam iaitu pendekatan al-Qur'an dan as-Sunnah turut mengambil kira dalam penglibatan kerohanian bagi mengatasi masalah keruntuhan akhlak, mengatur kehidupan dengan petunjuk Allah Ta'ala yang dapat memberi rangsangan terhadap keimanan dan pembentukan akhlak (Fuad et al., 2017; Nasarudin et al., 2018).

Seterusnya, kepentingan pendidikan makanan halal perlu diwujudkan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Negara Brunei Darussalam melalui proses pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam secara formal. Perkara ini merupakan salah satu usaha dalam meningkatkan serta memperkayakan ilmu pengetahuan ugama islam. Begitu juga pendidikan ini sangat penting diajarkan kepada pelajar-pelajar dalam membentuk tingkah laku dan akhlak yang baik (Norwidayawati, 2018). Pelajar boleh membentuk keperibadian yang holistik dan seimbang khususnya dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelektual sehingga berjaya menjadi insan yang soleh, bertaqwa dan berakhlak mulia bagi mencapai matlamat pendidikan. Perkara ini wajar diambil perhatian kerana apabila pelajar di sekolah tidak menjadikan konsep memilih makanan halal dan baik sebagai keutamaan, aspek tersebut memberi kesan terhadap kemenjadian murid yang sihat akal fikiran serta cergas tubuh badan dan menjadi muslim yang baik. Ini kerana pemakanan sangat mempengaruhi perkembangan fizikal dan amalan kerohanian (Azhar Ahmad & Abd Halim Tamuri, 2007).

Manakala pendidik memainkan peranan yang sangat penting kepada pelajar kerana mereka yang mengajar ilmu pengetahuan dan memberi manfaat dari segi mendidik, membentuk budi pekerti dan peribadi agar pelajar memiliki akhlak mulia, menunjukkan jalan yang benar dan diredhai Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Pendidik juga merupakan orang kedua terpenting dan turut dianggap sebagai contoh ikutan yang memberi pengaruh kepada pelajar menerusi perkembangan personaliti, mental, fizikal dan spiritual, malah sebagai role model dalam membentuk insan agar menjadi orang yang berakhlak dan bertakwa (Abdul Salam, 2003; Abd Halim & Mohd Khairul Azman, 2010; Mohd Jamil, 2008). Bahkan usaha penting ini dapat meningkatkan penghayatan akhlak pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran sebagaimana peranan pendidik adalah sebagai role model, muaddib, murabbi dan Muallim dan hal ini turut membuktikan bahawa pendidikan islam itu diperolehi sama ada secara formal atau tidak formal.

5.3.2 Persekitaran

Menurut Ibn Khaldun (1995), persekitaran yang baik sangat diperlukan bagi menghasilkan akhlak yang baik. Manakala akhlak baik itu lahir melalui diri sendiri berdasarkan pengamatan kepada persekitaran yang mempengaruhi tabiat hidup seseorang. Justeru, persekitaran yang positif mampu membentuk satu proses pembelajaran di luar bilik darjah di mana seseorang itu menjalani kehidupan dalam membentuk akhlak diri individu. Berikut dijelaskan beberapa aspek persekitaran yang turut memberi peranan dalam meningkatkan akhlak pelajar.

Proses pendidikan secara langsung dapat diterapkan kepada pelajar sama ada dengan cara peniruan dan melakukan tingkah laku orang sekeliling (Gamal, 2014) iaitu daripada kalangan ibu bapa, guru, rakan dan masyarakat (Ibn Khaldun, 1995).

Menerusi peranan ibu bapa, mereka perlu meningkatkan ilmu keibubapaan, diikuti dengan menerapkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah semasa anak mereka kecil lagi agar dapat mendisiplinkan diri bagi melahirkan seorang yang bertanggungjawab dan berdedikasi. Begitu juga, peranan ibu bapa dalam usaha menerapkan nilai Islam bagi memastikan aqidah, ibadah dan akhlak anak mereka terpelihara agar dapat membentuk sebuah keluarga yang sejahtera iaitu menerusi pendidikan yang berterusan dengan cara yang dituntut oleh Islam sebagaimana contoh teladan didikan luqman al-hakim dalam mendidik anaknya (Abdullah Nashih Ulwan, 1981; Adibah, 2021; Annasaii et al., 2021; Noorsaidah et al., 2023; Shamilatul Sufia & A'dawiyah, 2022).

Seterusnya, guru berperanan menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai, diikuti dengan menerapkan nilai akhlak dalam pendidikan Islam dan pendidikan umum, serta memiliki keperibadian diri sebagai contoh terbaik kepada pelajar (Hasbullah et al., 2020).

Iklm sekolah yang berkesan mampu mewujudkan integrasi dan keharmonian sesama pelajarnya. Justeru, iklim sekolah yang kondusif dengan dilengkapi kemudahan pengajaran dan pembelajaran akan membantu perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor pelajar (Ahmad Munawar et al., 2012). Ia juga mewujudkan persekitaran islamik yang menekankan aktiviti kerohanian di samping dapat memberi impak positif dalam pembentukan akhlak pelajar serta mengambil kira keperluan dunia dan akhirat (Hasbullah et al., 2020; Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad, 2011). Jika usaha ke arah memperkasakan pembentukan akhlak di sekolah dengan mengambil pendekatan

yang lebih holistik, memperkukuhkan lagi aspek peranan guru dan hubungan dengan pelajar, maka persekitaran sekolah dapat memberi pengaruh yang kuat dalam membentuk peribadi yang berakhlak mulia (Mardzelah Makhsin, 2012).

Menerusi pendidikan islamiah yang baik dan dikelilingi dengan persekitaran yang positif dan pergaulan bersama orang yang baik lagi soleh akan memberi kesan secara langsung pada peribadi pelajar. Tambahan pula menerusi pendidikan formal dan tidak formal, pelajar juga dapat berperilaku ke atas pembaikan dan ketaqwaan, membentuk asas-asas keimanan dan kepercayaan serta budi luhur yang mulia. Kenyataan ini bertepatan sebagaimana menurut Ibnu Khaldun (2000) bahawa apabila terdapat ajaran agama di dalam diri individu akan ada pengaruh baik yang dapat mengawal tingkah lakunya. Segala penglibatan aktiviti kerohanian turut menjadikan amalan kehidupan seharian yang akan membentuk aura diri yang positif kepada pelajar.

6. Kesimpulan

Sebagai rumusan, sekolah dan pendidik merupakan pengaruh yang paling penting dalam perkembangan pelajar dari segi fizikal, intelek, emosi dan sosialnya. Dengan adanya perancangan dan sasaran untuk merealisasikan gagasan serta wawasan di negara ini; matlamat pendidikan tidak akan tercapai tanpa adanya sistem dan proses pendidikan yang baik.

Tidak dinafikan pelbagai usaha giat dilakukan untuk membentuk sahsiah remaja masa kini sebagai persediaan mereka ketika menghadapi cabaran dan tantangan era globalisasi. Usaha yang dilakukan adalah bertujuan untuk memperbaiki kehidupan anak-anak yang kurang baik sehingga menjadi manusia yang berguna. Melalui dapatan kajian tersebut dalam meningkatkan penghayatan akhlak pelajar, kerjasama yang bersepadu antara beberapa pihak seharusnya wajar diambil perhatian di sekolah-sekolah melalui guru Pendidikan Islam dengan sokongan padu yang lain melibatkan persekitaran seperti ibu bapa, rakan sebaya, media massa, pihak kerajaan bagi merealisasikan peningkatan penghayatan akhlak pelajar yang sentiasa mematuhi syariat Islam.

7. Rujukan

Abdullah, S. S., & Ismail, A. (2022). Kebimbangan dan Peranan Ibu dalam Menjaga Akidah dan Akhlak

Anak-anak dalam Era Digital: The Concerns and Roles of Mothers in Guarding their Children Aqidah's and Akhlak in Digital Era. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 195–207. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/16>

Abdul Salam Yussof. (2003). *Imam al-Ghazali: Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications

& Distributors Sdn Bhd. Abdul Halim Tamuri dan Ahmad Munawar Ismail.

(2021). Hubungan

Persekitaran Sekolah dan Guru dengan Amalan Akhlak Murid Sekolah Menengah Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*. Vol.19: (June 2021). <http://doi.org/10.24035/ijit.19.2021.190>

- Abdul Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Adanan bin Haji Besar. (2008). Masalah Sosial Remaja dan Peranan Institusi Keluarga. *Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama* dalam Jiram Jamit dan Hajah Sa'adiah Haji Tamit. Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei. P.102-106.
- Adibah Husna binti Haji Ismail. (2021). *Pendidikan Hadhanah Dalam Kalangan Ibu bapa Berprofesion Guru Ugama Untuk Membentuk Sahsiah Anak Di Negara Brunei Darussalam*. Tesis Doktor Falsafah. Negara Brunei Darussalam: Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusof. (2012). Sumbangna Pendidikan dalam Memperkasakan Tamadun Bangsa: Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(1), 107-122.
- Ahmad Munawar Ismail, Wan Kamal Mujani Wan Mohd Hirwani Wan Hussain & Noor Inayah Yaakub. (2012). The missing of moral entity in modern civilization: values and social aspects. *Advances in Natural and Applied Sciences*. 6(6): 985-994
- Al-Bukhari. (2013). *Syarah Adabul Mufrad Jilid 1*. Penyusun: Syaikh Abu 'Abdillah Muhammad Luqman Muhammad as-Salafi. Cetakan ketiga. Jakarta: Griya Ilmu.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1976). *Ihya' Ulum ad-Din*. Jilid 3. Kaherah: Muassasat al-Halabi wa Syurakah li al-Nasyr wa at-Tauzi', p. 68.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2003). *Duties of The Muslim Youth*. Islamic Movement Series. Nottingham: Islamic Institute of Da'wah and Research.
- Amaludin Ab. Rahman dan Zainal Madon. (2010). Konsep Keibubapaan Teras Pembentukan Insan Terbilang. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Hlm. 125-142.
- Anjali Talcherkar. (2024). *Internet Addiction*. <https://www.addictions.com/internet/#contributors> Diakses pada 6 Oktober 2024.
- Annasaii Jamar, Norisham bin Muhamad, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Mohd Aderi Che Noh, Mohd Izzudin Mohd Pisol, Julia Madzalan, Mohammad Syakir Sulaiman. Hubungan Faktor Persekitaran Terhadap PEnghayatan Nilai Akhlak Dalam Kalangan Pelatih On Job Training Di Aircraft Maintenance Experience Centre (AMEC-Mata), Johor Bharu. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 5(1), 64-76.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Azhar Ahmad, & Ab. Halim Tamuri. (2007). Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Yadim*, (5), 1-10.
- Azizi Yahya. (2008). Keluarga dalam Pembentukan Moral. *Journal of Science & Mathematics Education*. (unpublished). <http://eprints.utm.my/id/eprint/6035/1/aziziyahmoral.pdf>.
- Azizi Yahya, Noordin Yahya & Junaidah Bachok. (2010). *Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari di Daerah Pontian*. (Tidak diterbitkan)

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, Jamaludin Ramli & Nurul Ezzati Azizi. (2012). *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja Punca dan Rawatan*. Penerbit Johor: UTM Press.
- Azyyati, Mohd Nazim. (2017). Faktor Penyimpangan dalam Kalangan Remaja Berisiko dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 1 (15). pp. 1-19. ISSN 2289-6325.
- Creswell, J.W. (2005). *Research design : Qualitative and quantitative approaches*. London, UK : Sage.
- Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal. (2010). Negara Zikir Mencalak Belia Perkasa, dalam *Negara Zikir: Azam dan Keperluan*, Himpunan kertas kerja seminar Negara Zikir 2008, Majlis Ilmu. Cetakan Pertama. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri. P.167-182.
- Dokumen-Dokumen Aktiviti Kerohanian Sekolah Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Daerah Brunei dan Muara (Kluster 1-4). (2018). Negara Brunei Darussalam.
- Faridah Mohd Sairi, Mahfuzah Mohamed Zabidi, Khairah Ismail, Norakmal Abdul Hamid dan Mohd Norazri Mohamad Zaini. (2017). Kesedaran Pemakanan Halal dalam Kehidupan Beragama. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 3(1), 41-66.
- Faridah Saleh & Zurina Ahmad Saidi. (2015). Faktor Dan Peranan Institusi Keluarga Dalam Mencegah Salah laku Dan Devian Dalam Kalangan Remaja. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, hlm. 147-157.
- Fatwa Mufti Kerajaan. (2007). *Isu-Isu Produk Halal*. Jabatan Mufti Kerajaan. Selangor Darul Ehsan: Ar-Risalah Product Sdn Bhd.
- Gamal Abd Nasir Zakaria. (2014). *Ibnu Sahnun, Al-Qabisi, Ibnu Khaldun, Tokoh-Tokoh Abadi Pendidikan Islam*. Negara Brunei Darussalam : Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Habibie Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad & Nurul Hudani Md Nawi. (2018). Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal*. 3(5),18-24.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf dan Fakhru Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 17. No.9 (2020), 75-89. ISSN: 1823-884x.
- Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2017. (2018). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan.
<http://www.information.gov.bn/Malay%20Publication%20PDF/TITAH%202017.pdf> (Diakses pada 20 November 2018).
- Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2013. (2015). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan.
<http://www.information.gov.bn/PublishingImages/SitePages/Malay%20Publication/titah%202013.pdf> (Diakses pada 20 November 2018)
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. (1995). *Al-Muqaddimah*. (Terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun. (2000). *Mukaddimah Ibnu Khaldun*. Jakarta: Pustaka Firdaus.

- Ibn Mandhzur, al-'Alamah Abi al-Fadl Jamal al-Din ibn Muhammad ibn Mukram ibn Mandhzur al-Afriqi al-Misri. (1990). *Lisanul Arab*. Taba'at al-Ula. Beirut: Dar Sadir.
- Ibnu Miskawayh, Abu 'Ali Ahmad. (1966). *Tahzib al-Akhlak*. Zurayk C.K (peny). Beirut: America University of Beirut.
- Idris bin Sulaiman. Ibu Bapa Yang Utamakan Pendidikan Dunia berbanding Agama Anak. <https://idrissulaiman.com/ibu-bapa-yang-utamakan-pendidikan-dunia-berbanding-agama-anak/> . Diakses pada 8 Oktober 2024.
- Jabatan Sekolah-sekolah. (2018). Laporan Hal Ehwal Pelajar Jabatan Sekolah-sekolah, 2014-2017. Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Japar bin Haji Mat Dain @Maidin dan Mazanan din Haji Yusof. (2005). *Profesional Yang Berakhlak*. Cetakan Pertama. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri.
- Kalaitzaki, a. E., and birtchnell, j. (2014). The impact of early parenting bonding on young adults' internet addiction, through the mediation effects of negative relating to others and sadness. *Addictivebehaviors* 39 (3): 733-36. <https://doi.org/10.1016/j.addbeh.2013.12.002>.
- Kementerian Pendidikan. (2013). *Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21*. Negara Brunei Darussalam: Kementerian Pendidikan. ISBN 978-99917-2-625-0
- Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. (2004). *Pencapaian dan Penilaian 20 Tahun Pendidikan (1984-2003) dan Perancangan 20 Tahun Akan Datang (2004-2024)*.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama. (2014). *Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.
- Mardzelah Makhsin. (2012). *Hisbah dan Penghayatan Akhlak Murid-murid Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan :Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maznah Ali dan Zakiah Zakaria. (2010). *Persediaan Ibu Bapa dalam Pendidikan Rohani Terhadap Anak-anak: Kajian di Taman Batu Permai*, Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Media Permata. (2023, November 25). *Pendidikan Seimbang Duniawi, Ukhrawi*. <https://mediapermata.com.bn/pendidikan-seimbang-duniawi-ukhrawi/>
- Minhat, Ade Erawan; Jasmi, Kamarul Azmi. (2022). Kesedaran Halal dalam Kehidupan Seharian. Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST), 4(1) 2022, p. 9-21. Tema "Membangunkan Peradaban yang Gemilang." Bertempat: Webinar: <https://utm.webex.com/meet/amdean>, 11 Januari 2022, anjuran Akademi Tamadun Islam (ATI), Fakulti Sains Sosial dan Ketamadunan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). eISSN: 2805 556X.
- Mohd Akib, M. M., Md Yahya, N. S. ., Ishak, H. ., Mohammed Zabidi, A. F. ., Sa'ari, C. Z., & Syed Muhsin, S. B. . (2024). Masalah Spiritual Remaja Berisiko dan Faktor yang Mempengaruhinya: Suatu Kajian Literatur: Spiritual Problems among at-Risk Youth and Influencing Factors: A Literature Review. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(2), 1–20. <https://doi.org/10.53840/jpi.v17i2.295>
- Mohd Azlan Abdullah dan Noraziah Ali. (2011). Amalan Permakanan dalam Kalangan Pelajar Universiti dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14, 59-68. ISSN 0128-273.
- Mohd Fuad Othman, Mohd Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis dan Wan Nurul Syuhada. (2017).

- Pendidikan Rohani berdasarkan sains al-Quran. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, Vol 1 (1) Januari 2017, 64-77.
- Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah dan GUN dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 11. pp. 117-130. ISSN 1511-8393
- Mohd. Jamil al-Sufri. (2008). *Satu Pemikiran mengenai Pendidikan untuk Brunei Darussalam berasaskan Islam: melalui Pengalaman dan Sejarah*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Muhammad Zulfaris bin Salleh. (2016). *Pengamalan dan keupayaan membaca Al-Qur'an bagi pelajar Tahun 10 di Sekolah Menengah Kluster 3, Daerah Brunei dan Muara*. Disertasi Ijazah Sarjana Perguruan Agama. Brunei Darussalam: Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Muslim al-Hajaj al-Nisāburī. (2002). *Ṣaḥīḥ Muslim*. T.tp: Dār Ibn Rejab.
- Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Sabri Mohamad. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Jurnal al-Turath*; Vol 3, No. 1: 2018. e-ISSN 0128-0899, p. 55-63.
- Nor Aini Idris & Mohd Ali Mohd Noor. (2013). *Analisis Keperihatinan PEngguna Muslim Terhadap Isu Halal-Haram Produk Melalui Pembentukan Indeks*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-VIII (PERKEM Ke-8). Johor Bahru.
- Noornajihan Jaafar, and Ab. Halim Tamuri. (2013). Hubungan antara efikasi sendiri dengan kualiti guru pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 5 (1). pp. 41-60. ISSN 1985-6236
- Noorsaidah binti Zainudin, Nazurah Huda binti Che Parizan, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar. (2023). Peranan Ibu Bapa Dalam Menerapkan Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah Dalam Kalangan Anak-anak. Dalam Seminar Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah 2023, 11 Julai 2023, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Norwidayawati binti Pg Haji Metusin. (2018). Faktor Persekitaran Terhadap Kefahaman dan Amalan *Pemakanan Halal Dalam Membentuk Akhlak Pelajar*. Tesis Doktor Falsafah. Negara Brunei Darussalam: Institut Pendidikan Sultah Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.
- Nurul Ainie Nawawai, Siti Jamiaah Abdul Jalil dan Fariza Md Sham. (2022). Pengamalan Agama Berdasarkan Konsep *Al-Falah* Terhadap Remaja. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 11-28.
- Nurzatil Ismail Azizan dan Zulkifli Mohd Yusoff. (2017). Kepentingan Unsur Al-Qalb dalam Membentuk Jati Diri Remaja: Analisis Terhadap Ikon Remaja di dalam Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*, 10(1), 1-16.
- O'Keefe, G., Clark-Pearson, K. (2011). The impact of social media on children, adolescents, and families. *The American Academy of Pediatrics*, 127(4).
- Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad bin Pg Hj Abdul Rahman. (2006). Falsafah Pendidikan Negara: Ke Arah Kecemerlangan Pembangunan Duniawi dan Ukhrawi. Dalam *Pendidikan dan Profesionalisme* (Himpunan Kertas Kerja Seminar Pendidikan dan Profesionalisme) 20-23 Jamadilakhir, 1426/27-30 Julai 2005 Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, p. 73-87.

- Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad bin Pg Hj Abdul Rahman. (2011). *Belia dan Pendidikan Islam di Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, p.90-91.
- Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei. (2020). *Statistik Tangkapan Remaja Tempatan Berumur Antara 12-18 Tahun*. Negara Brunei Darussalam.
- Russly Abd Rahman, Nurdeng Deuraseh, Mohamad Aizat Jamaludin. (2014). *Isu Halal Kontemporari*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sharh Imām Muhyi al-Din al-Nawawi. (2010). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Vol. 7-8. Bayrūt: Dār al-Makrifah.
- Suaidi. (2023). Kontribusi Makanan Terhadap Perilaku Manusia. *Al-Tarbiyah: Jurnal Ilmu Pendidikan Islam*, 1(4), 255-270. DOI:10.59059/al-tarbiyah.v1i4.498
- Suhaiella binti Haji Suhaili. (2022). *Hubungan Aktiviti Kerohanian Sekolah Terhadap Pembentukan Sahsiah Pelajar Sekolah Menengah Di Negara Brunei Darussalam*. Tesis Doktor Falsafah. Negara Brunei Darussalam: Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Suria Hani A. Rahman. (2012). Islamic and Cultural Identity in Media. Dalam *Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor' Aini Dan. (2002). Kurikulum Pendidikan Islam: Penjelasan Menurut Paradigma Pendidikan Bersepadu. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam 1*, 50-58.
- Ulwan, Abdullah Nashih. (2002). *Pendidikan Anak Dalam Islam*. Cetakan III, Jilid 1. Jakarta: Pustaka Amani.
- Ulwan, A. N. (2004). *Pendidikan Anak-anak dalam Islam* (Terj Syed.). Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ulwan, Abdullah Nasih. (1981). *Tarbiyatul Aulad Fil Islam*. Beirut: Dar al-Salam.
- Wan Naimah Wan Daud. (2010). *Pengaruh Sosio-Ekonomi Terhadap Penggunaan Produk Makanan Halal di Kalangan Masyarakat Islam Perlis*. Projek Penyelidikan Fakulti Pendidikan Islam (CITU). Perlis: Universiti Teknologi Mara.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*. Vol. 1 Mac 2011, pp. 115-140.